

Vaksin dijamin halal

Sinar HARIAN (26/05/2021) MS 03

Pfizer dan AstraZeneca bebas daripada sebarang kandungan yang haram

Oleh HIDAYAH HAIROM

PUTRAJAYA

Kerajaan mengulangi jaminan bahawa status kesemua vaksin yang dibekalkan kepada rakyat di negara ini adalah halal.



Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, seperti Sinovac semakan terhadap vaksin Pfizer dan AstraZeneca mendapati kedua-duanya bebas daripada sebarang kandungan yang haram.

“Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebelum ini mendedahkan vaksin Sinovac telah mendapat sijil daripada Majlis Ulama Indonesia (MUI) bahawa ia adalah halal. Bagaimanapun, ini tidak bermaksud vaksin-vaksin lain mengandungi ramuan yang haram.

“Malah, kita telah buat semakan bahawa ramuan vaksin Pfizer dan AstraZeneca tidak mengandungi apa-apa ramuan yang berasal daripada babi dan sebagainya,” katanya pada sidang akhbar perkembangan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) bersama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba pada Selasa.



KHAIRY JAMALUDDIN

vaksin yang telah di sahkan halal di dunia.

Beliau berkata demikian ketika di-

minta mengulas persoalan apabila timbul persepsi sama ada vaksin Pfizer dan AstraZeneca berstatus tidak halal.

Vaksin Sinovac yang dibekalkan oleh Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) merupakan satu-satunya

MEMENPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

di dunia.

Pharmaniaga mendapat lesen untuk mengimport vaksin Covid-19 Sinovac dari China dan melakukan pengilangan semula.

24 MEI 2021

JUMLAH PEMBERIAN DOS 1 & DOS 2

2,483,496

JUMLAH DOS 1 1,578,225

JUMLAH DOS 2 905,271

SUMBER: CITF

LAPORAN HARIAN PEMBERIAN DOS VAKSYN MENGIKUT NEGERI

PERLIS	23,912	17,514
KEDAH	62,276	57,876
P.PINANG	81,472	64,126
PERAK	138,181	75,311
SELANGOR	206,271	122,007
K. LUMPUR	241,434	89,194
PUTRAJAYA	18,632	8,917
N. SEMBILAN	85,068	40,370
MELAKA	40,583	31,477



KELANTAN	74,404	43,449
TERENGGANU	54,963	37,146
PAHANG	97,586	61,785
JOHOR	136,213	82,492

SABAH	115,123	72,801
LABUAN	13,753	9,140
SARAWAK	165,373	91,667

vaksinCovid.gov.my

LINDUNG DIRI, LINDUNG SEMUA.



JAWATANKUASA KHAS JAMINAN AKSES BEKALAN VAKSYN COVID-19 (IKJAV)